

PPZ-MAIWP anjur kejohanan boling galak sektor korporat tunai zakat

UMY Sdn MALAYSIA 1/8/2023 M/S: 37

PETALING JAYA: Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) menganjurkan Kejohanan Boling PPZ-MAIWP untuk mengeratkan lagi hubungan dengan syarikat-syarikat pro-spek dan pembayar zakat.

Menurut PPZ-MAIWP, kejohanan yang berlangsung di Wangsa Bowl, IOI Putrajaya kelmarin itu juga merupakan antara pendekatan PPZ-MAIWP bagi menyebarkan lagi dakwah zakat iaitu meningkatkan kesedaran memunahkan zakat khususnya dalam kalangan syarikat korporat dan organisasi perniagaan.

Sebanyak 24 pasukan dari-pada 14 syarikat telah menyen-



PEMENANG kejohanan boling anjuran PPZ-MAIWP bergambar selepas tamat perlawanan.

tai kejohanan tersebut, antaranya Harta Maintenance Sdn. Bhd., Perbadanan Harta Intelek

Malaysia (MyIPO), Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. (Paynet), Perbadanan Tabung

Pendidikan Tinggi Nasional (PTN), Kolej Poly-Tech Malaysia dan FGV Holdings.

Turut serta, Pelaburan Hartanah Berhad, University Poly-Tech Malaysia, Alhijrah Media Corporation, Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur, Hospital Pusrawi, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan MSM Prai Berhad.

Kejohanan dimenangi oleh pasukan FGV Holdings yang membawa pulang wang tunai RM1,200 dan piala. Nab Juara dimenangi pasukan PPZ-MAIWP dan ketiga, PUNB yang masing-masing menerima wang tunai RM1,000 dan RM800 serta piala.